

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP301: Kewangan II

Tarikh: 18 April 1986

Masa: 2.45 petang - 5.45 petang  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja. Anda boleh pilih mana-mana soalan yang dikehendaki. Tiap-tiap soalan diberi markah yang sama.

1. (a) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi nilai sekuriti? Cuba anda beri satu formula untuk menilai sekuriti serta terangkan peranan konsep pulangan dan risiko di dalam formula tersebut.
- (b) Satu mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Delima Sdn. Bhd. telah diadakan baru-baru ini. Terdapat perbincangan yang agak hangat di dalam mesyuarat tersebut mengenai alternatif sumber kewangan bagi membiayai pembesaran Syarikat pada masa hadapan. Cadangan untuk menjadi syarikat awam dan menyebutkan harga sahamnya di dalam pasaran saham telah mendapat sambutan ramai walaupun keadaan ekonomi yang buruk. Berhubung dengan perkara itu, Pengerusi Syarikat terus bertanya kepada ahli Lembaga yang hadir tentang nilai Syarikat atau harga tawaran sesaham yang boleh dijual kepada orang awam. Di dalam mesyuarat tersebut, di samping maklumat Syarikat ini sendiri terdapat juga maklumat 2 buah syarikat lain (Beta Bhd. dan Alfa Bhd.) yang menyerupai dengan Syarikat Delima dari segi saiz, komposisi harta, struktur sumber kewangan dan percampuran barangan yang dikeluarkan. Maklumat-maklumat tersebut telah diedarkan di dalam mesyuarat dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

(Lihat muka sebelah)

...2/-

	<u>Beta Bhd.</u>	<u>Alfa Bhd.</u>
	\$	\$
1985 Perolehan sesaham (EPS)	1.50	2.50
1980/85 Purata Perolehan sesaham	1.00	2.00
1985 Purata Harga Pasaran sesaham	9.00	20.00
1985 Dividen sesaham	0.75	1.25
1980/85 Purata Dividen sesaham	0.60	1.20
1985 Purata Nilai Buku sesaham	9.00	18.00

Delima Sdn. Bhd. (1985)

	\$
Modal (saham biasa - \$1.00)	100,000
Perolehan selepas cukai	400,000
Dividen kasar	100,000
Nilai buku	3,500,000

Nota: Perolehan selepas cukai dan dividen kasar bagi tahun 1985 masing-masing adalah lebih tinggi daripada nilai purata 5 tahun yang lepas sebanyak 1/3.

Sekiranya anda seorang ahli Lembaga Pengarah, bagaimanakah hendak memberi nasihat kepada Pengerusi Syarikat ini tentang harga tawaran saham baru?

...3/-

2. (a) Apakah tujuan sebuah Syarikat membuat terbitan hak?
- (b) Sebuah syarikat mempunyai 10 juta saham biasa dan dibayar sepenuhnya. Saham syarikat ini disebut harga di dalam pasaran saham tempatan, dan harga sahamnya di dalam pasaran baru-baru ini sebanyak \$1.60. Perolehan sesaham Syarikat ini, seperti terdapat di dalam laporan tahunan terakhir ialah 40 sen dan dianggar setabil. Syarikat bercadang hendak menyelesaikan (redeem) saham pinjaman berjumlah \$3 juta yang mempunyai kadar faedah 10% setahun melalui terbitan hak. Jumlah terbitan hak yang dicadangkan itu seharusnya tidak memberi kesan kejatuhan nilai perolehan sesaham sekarang lebih daripada 10 peratus. Pada waktu terbitan hak dibuat harganya mestilah berada pada tahap 20 peratus di bawah harga saham syarikat ini di pasaran.

Pada keseluruhannya pergerakan harga saham di dalam pasaran semakin meningkat dan dengan itu anda diminta mengira:

- (i) Berapa banyak saham terbitan hak dapat dikeluarkan dan apakah harga saham Syarikat ini di pasaran yang paling rendah sewaktu terbitan hak dibuat.
- (ii) Apakah harga saham "ex-rights" secara teori dan nisbah P/Enya.

(Nota: Anggapkan cukai Syarikat pada kadar 50 peratus.)

3. (a) "Terdapat pengambilan alih dan percantuman Korporat gagal dari segi pertumbuhan dan keuntungan". Cuba anda komen kenyataan tersebut.
- (b) Lembaran Imbangan Syarikat I Berhad dan Syarikat U Berhad adalah seperti di sebelah. Syarikat I Berhad bercadang hendak mengambil alih Syarikat U Berhad. melalui tukaran saham.

	<u>I Bhd.</u>	<u>U Bhd.</u>
	\$	\$
Saham biasa (\$1 sesaham dibayar sepenuh)	1,000,000	500,000
Akaun premium	-	20,000
Akaun untung rugi	380,000	40,000
Saham terpilih	200,000	-
Debenture	150,000	50,000
	<u>1,730,000</u>	<u>610,000</u>
	=====	=====
Harga tetap	1,220,000	350,000
Harta semasa bersih	510,000	260,000
	<u>1,730,000</u>	<u>610,000</u>
	=====	=====
<u>Lain-lain maklumat:</u>		
Untung tahunan	200,000	120,000
Harga saham biasa di dalam pasaran sekarang	\$2.00	\$1.92
Nisbah P/E	10	8

Adalah dianggarkan bahawa percantuman ini bukan sahaja dapat menambah keuntungan sebanyak 15 peratus daripada jumlah keuntungan Syarikat I Bhd. dan Syarikat U Bhd. tetapi juga nilai saham yang berdasarkan kepada nisbah P/E menjadi 12.

Berdasarkan kepada maklumat di atas, cuba anda kemukakan satu bentuk tawaran pengambilan alih yang dianggap adil dan boleh diterima oleh kedua-dua syarikat tersebut.

...5/-

4. (a) Apakah perkara-perkara yang harus dipertimbangkan apabila sebuah syarikat menggubal dasar dividen?
- (b) Syarikat Bina Utara bercadang hendak memajak sebuah lori berharga \$20,000 yang dipunyai oleh Bank Pembangunan (M) Bhd. selama 5 tahun dengan membayar pajakan tahun sebanyak \$4,800 (dibayar "in advance"). Kadar faedah bank pada masa ini adalah sebanyak 14% setahun sebelum cukai. Pembayaran cukai dan penerimaan cukai galakan dibuat lewat setahun.

Berdasarkan kepada maklumat di atas dan anggapkan kadar cukai syarikat sebanyak 50% cuba anda:

- (i) Beri nasihat samada Syarikat Bina Utara harus memajak lori tersebut atau pun membeli terus dengan mengguna wang sendiri. Sekiranya membeli secara terus, Syarikat dapat elaun cukai (galakan) 100% pada tahun pertama dan kos kewangannya ialah 14% setahun.
- (ii) Terangkan aspek-aspek lain yang perlu diberi perhatian sebelum Syarikat Bina Utara membuat keputusan yang akhir samada memajak atau membeli terus lori tersebut.
- (iii) Huraikan alternatif yang mungkin timbul sekiranya di dalam keadaan inflasi.
5. (a) Apakah faktor-faktor yang harus dipertimbangkan apabila hendak menentukan struktur modal?
- (b) Ringkasan Lembaran Imbangan Syarikat Sumber Rezeki Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Saham biasa	\$750,000	Harta tetap	\$1,400,000
Rezab	\$400,000	Harta semasa bersih	\$ 100,000
Pinjaman (9% setahun)	\$300,000		<u>\$1,500,000</u>
Cukai tertunda	\$ 50,000		=====
	<u>\$1,500,000</u>		
	=====		

...6/-

Terdapat dua cadangan projek yang masing-masing melibatkan perbelanjaan awalan sebanyak \$300,000. Oleh kerana Syarikat mempunyai kawasan tapak projek yang terhad, maka pihak Lembaga terpaksa memilih satu projek sahaja.

Projek A dapat memberi aliran wang tunai bersih sebanyak \$120,000 setahun dalam tempoh 3 tahun pertama dan \$50,000 setahun pada 2 tahun kemudiannya. Melalui projek B pula, Syarikat dapat memperoleh aliran wang tunai bersih sebanyak \$100,000 setahun di sepanjang tempoh projek ini - 5 tahun. Kedua-dua projek ini tidak mempunyai nilai sisaan (salvage), tetapi projek B mempunyai risiko yang lebih tinggi daripada A. Oleh kerana Syarikat mempunyai wang daripada keuntungannya tahun-tahun lepas sebanyak \$40,000 sahaja, maka baki kos pelaburan terpaksa diperolehi melalui terbitan saham biasa atau pun saham pinjaman. Pihak Syarikat telah membuat perkiraan bahawa kos modal (equity) adalah sebanyak 15% dan terbitan saham biasa bernilai \$5.00 sesaham akan memberi hasil sebanyak \$4.75 sesaham. Saham pinjaman pula boleh dijual dengan kadar faedah sebanyak 12%.

Cuba anda beri nasihat kepada Lembaga Pengarah Syarikat ini mengenai pilihan pelaburan yang harus dibuat. Anggapkan Syarikat ini mahu mempertahankan kedudukan struktur modal seperti yang ada sekarang dan kadar cukainya adalah sebanyak 50%.

6. Tuliskan nota pendek mengenai 4 daripada yang berikut:
- (a) Pajakan Kewangan
  - (b) "Warrants"
  - (c) Kos modal sut wajaran (WMCC)
  - (d) "Reorganisation"
  - (e) "Conglomerate"

-ooo000ooo-